



## ANALYSIS ON ABANDONMENT OF SHARI'AH RULING OF HUDUD DUE TO PRESERVATION OF MAQASID AL- SHARI'AH

### ANALISIS PEMBERHENTIAN HUKUM HUDUD KERANA PEMELIHARAAN MAQASID AL-SHARI'AH

MUSTAFA BIN MAT JUBRI @ SHAMSUDDIN (DR.) (Corresponding Author)  
Jabatan Fiqh & Usul Fiqh, Fakulti Ilmu Pengetahuan Berteraskan Wahyu & Sains  
Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.  
E-mail: [mussham@iium.edu.my](mailto:mussham@iium.edu.my)

MISZAIRI SITIRIS (PROF. MADYA DR)  
Jabatan Fiqh & Usul Fiqh, Fakulti Ilmu Pengetahuan Berteraskan Wahyu & Sains  
Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.  
E-mail: [miszairi@iium.edu.my](mailto:miszairi@iium.edu.my)

**A PEER-REVIEWED ARTICLE**

**(RECEIVED – 27<sup>TH</sup> SEPT. 2020: REVISED – 9<sup>TH</sup> DEC. 2020: ACCEPTED – 11<sup>TH</sup> JAN. 2021)**

### ABSTRACT

It is often seen that the maqasid regulates the validity of the rule of taklifi from the point of view of its implementation, so that the maqasid has the ability to stop or maintain the practice of a rule. The Shari'ah rulings are seen as means to maqasid from another perspective, so the validity and existence of maqasid depends on the rules' application. With reference to the implementation of hudud law, the maqasid to be achieved is the preservation of the five main elements (darūriyāt khamsah) as well as the maintenance of general peace contained in the meaning of jalb al-maṣlahah. The main purpose of this study is to explain the relationship between Shari'ah rulings and maqasid, in the context of the relationship between mean (wasīlah) and purpose (maqṣad), and between small element (juz'ī) and large element (kullī), and its effect in the implementation of rules in general and hudud specifically. This study is based on two main methods, namely inductive data collection method and deductive data

analysis method. The importance of this study is illustrated in the identification of the relationship between ruling and its maqasid, and between maqasid and its ruling. Among the results of this study are the abolition of a rule is not only seen from the point of view of preserving its maqasid but also, considering other angles such as changes in factors of the rule that lead it to different maqasid, besides the failure of achieving maqasid is due to failure of implementation the rulings, which therefore it should not lead to the abolition of the rules but to the improvement of their implementation. Hudud law and its implementation must be seen from the point of view of its relationship with maqasid in this way because the abolition of law results in the termination of maqasid itself.

**Keywords:** Shariah Ruling (Hukm); Mean (Wasilah); Objective (Maqasid); Hudud; Public Interest (Maslahah); Evil (Mafsadah).

### ABSTRAK

Seringkali dilihat maqasid itu mengawal keabsahan hukum taklīfī dari sudut pelaksanaannya, sehinggakan maqasid itu berkuasa menghentikan atau meneruskan pengamalan sesuatu hukum. Dari sudut yang lain, hukum-hukum itu pula dilihat sebagai wasilah kepada maqasid, maka kebenaran dan kewujudan maqasid adalah bergantung kepada pelaksanaan hukum. Dengan merujuk kepada pelaksanaan hukum hudud, maqasid yang mahu dicapai adalah pemeliharaan lima unsur utama (darūriyāt khamsah) serta penjagaan keamanan umum yang terkandung di dalam maksud jalb al-maṣlahah. Tujuan utama kajian ini adalah menjelaskan hubungkait antara hukum dan maqasid, dalam konteks hubungan antara jalan (wasilah) dan tujuan (maqṣad), dan antara unsur kecil (juz'ī) dan unsur besar (kullī), dan kesannya dalam pelaksanaan hukum secara umum dan hudud secara khusus. Kajian ini bersandarkan dua kaedah utama, iaitu kaedah pengumpulan data secara induktif dan kaedah penganalisan data secara deduktif. Kepentingan kajian ini adalah terserlah pada pengenalpastian ciri hubungkait antara hukum dan maqasidnya, dan antara maqasid dan hukumnya, dari sudut pengukuran kesan ketidakcapaian maqasid terhadap pelaksanaan hukum, dan pengukuran kesan pemberhentian hukum terhadap pemeliharaan maqasid. Hasil kajian ini mendapati

antaranya ialah; pemberhentian sesuatu hukum tidak hanya dilihat dari sudut pemeliharaan maqasidnya sahaja akan tetapi, diambil kira juga sudut-sudut yang lain seperti perubahan faktor pada hukum yang membawanya kepada maqasid yang berbeza, selain itu ketidakcapaian maqasid adalah berpunca dari kegagalan pelaksanaan hukum yang sebenarnya, justeru ia tidak membawa kepada pemberhentian hukum akan tetapi penambahbaikan pelaksanaan hukum tersebut. Hukum hudud dan pelaksanaannya mesti dilihat dari sudut hubungannya dengan maqasid melalui cara ini, kerana pemberhentian hukum sebenarnya mengakibatkan pembatalan maqasid.

**Kata kunci:** Hukum; Wasilah; Maqasid; Hudud; Masalah; Mafsadah.

## PENGENALAN

Sesungguhnya di dalam pengertian keadilan dan kebijaksanaan segala apa yang berlaku mempunyai sebab dan tujuan. Sebab yang menjawab soalan bagaimana ia berlaku, dan tujuan yang menjawab soalan mengapa ia berlaku. Ia adalah hukum akal yang ia juga sebahagian dari aturan alam yang diciptakan Allah untuk para makhlukNya. Keberlangsungan segala entiti di alam tertakluk dengan peraturan ini, dan tidaklah Allah menjadikan segala apa pun dengan tidak punya tujuan. Ini seperti firmanNya: *“Apakah kamu menyangka bahawasanya Kami menciptakan kamu (wahai manusia) dalam keadaan sia-sia”* (al-Mu'minun: 115).

Shari'ah Allah adalah sebahagian daripada aturan alam ini, maka segala hukum hakam yang terkandung di dalamnya juga tertakluk dengan sebab dan tujuan. Apatah lagi, jika hukum hakam ini terkait dengan perbuatan manusia, maka aqal yang menjadi asas taklif (al-Ghazālī, 1993, 174) memahami sebab dan tujuan pensyariatan agar pelaksanaannya berpijak di alam nyata yang didiami oleh manusia.

Di dalam perbincangan sebab dan tujuan yang mendasari pensyariatan hukum hakam perbuatan manusia, ia ditafsirkan sebagai persoalan apakah sebab hukum ini? dan apakah tujuan ia dihukumkan sedemikian? Perbincangan ini diperincikan di dalam ilmu usul fiqh yang merupakan satu disiplin yang memperjelaskan dasar-dasar terbinanya hukum hakam segala perbuatan manusia.

Sebab hukum merujuk kepada perbahasan *'illah* secara khusus atau *manāṭ* secara umumnya, iaitu ia mendasari persoalan mengapakah perbuatan ini dihukumkan sebagai harus contohnya. Sebab Allah menjadikannya harus untuk dilakukan oleh manusia itu dianggap asas kepada keharusannya di dalam perbuatan yang disyariatkan Allah, dan jua asas kepada keharusan perbuatan lain yang mengandungi sebab yang sama melalui *qiyās* atau ijtihad.

Tujuan hukum pula merujuk kepada perbahasan *maqṣad* atau maqasid secara khususnya, dan ia menjadi intipati kepada persoalan apakah tujuan yang dicapai oleh keharusan perbuatan ini contohnya. Justeru itu, kajian ini akan mendalami dan menyelidiki aspek tujuan atau maqasid dalam pensyariatkan hukum, dengan mengaitkan ketidakcapaian tujuan dengan pemberhentian hukum di dalam isu hudud.

## **KONSEP WASILAH DAN MAQASID**

Satu perkara yang tidak boleh dipisahkan dengan perbahasan maqasid adalah wasilah. Jika secara mudahnya maqasid difahami sebagai tujuan, maka wasilah bolehlah dianggap sebagai jalan yang menyampaikan kepada tujuan tersebut. Namun, perbincangan wasilah dan maqasid tidaklah secetek ini, akan tetapi konsep dan hubungkait antaranya memerlukan penelitian.

### **Pengertian Wasilah dan Maqasid**

Wasilah dan maqasid adalah dua istilah yang diguna pakai oleh para ilmuwan Islam dalam penulisan dan hasil karya mereka. Kedua istilah ini boleh didapati di pelbagai disiplin ilmu Islam, yang mana setiap disiplin itu berkemungkinan akan berbeza takrifan dan pemahamannya. Kajian ini akan merujuk kepada disiplin ilmu usul fiqh ketika menyoroti pengertian dan penggunaan kedua-dua istilah ini.

### **Takrif Wasilah**

Istilah wasilah adalah dari bahasa Arab yang berasal dari kata dasar *wasala* yang membawa makna keinginan dan kemahuan (Ibn Fāris, 1979, 6/110). Ia digunakan untuk memberi erti apa yang mendekatkan dengannya kepada yang lain (al-Fārābī, 1987, 5/1841).

Manakala perkataan wasilah mempunyai tiga makna iaitu martabat di sisi raja, darjat kedudukan dan perkara yang mendekatkan (Ibn Manzūr, 1993, 11/724). Keinginan dan kemahuan kepada sesuatu akan mendekatkan orang yang ingin dan mahu kepadanya, seperti martabat dan kedudukan.

Penggunaan perkataan wasilah di kalangan sarjana usul fiqh masih berkait dengan makna secara literal ini. Menurut Ibn al-Qayyim (1991, 3/109), wasilah merujuk kepada apa sahaja yang menjadi jalan kepada sesuatu, sebegitu juga takrifan yang diberikan oleh al-Sa'di (2002, 36) iaitu jalan yang dilalui untuk sampai kepada sesuatu. Al-Qarāfi (1998, 2/60) mendefinisikan wasilah dengan makna jalan yang menyampaikan kepada maqasid, dan ini disokong oleh Ibn Juzzi (2003, 174), dan al-Rajrāji (2004, 6/207).

Di sisi yang lain, al-Maqarrī (2012, 151) menyebut bahawa wasilah itu adalah jalan yang menyampaikan kepada maqasid atau mendekatkannya yang mana ia tidak mempunyai hukum pada dirinya. Takrifan ini dihuraikan lagi oleh Ibn 'Āshūr (2004, 2/151) yang mengatakan bahawa wasilah itu adalah hukum hakam yang disyariatkan yang mana dengannya terhasil hukum hakam yang lain.

Secara khususnya, wasilah mempunyai konotasi yang berbeza sebagaimana yang disebut oleh al-Khādīmī (1998, 1/64) bahawa ia adalah perkara yang mendahului maqasid dan yang menyampaikan kepadanya berdasarkan apa yang ditetapkan oleh syarak. Makhdūm (1999, 54) pula memberikan takrifan yang lebih terperinci bahawa wasilah itu adalah perbuatan yang tidak dikehendaki secara dirinya kerana ia tidak mengandungi kebaikan (*maṣlahah*) atau keburukan (*mafsadah*) dan tidak juga membawa kepada keduanya secara langsung, akan tetapi ia dikehendaki kerana ia menyampaikan kepada perbuatan lain yang mengandungi kebaikan atau keburukan dan membawa kepada keduanya.

Apa yang dapat penulis simpulkan adalah wasilah itu jika merujuk kepada perbincangan usul fiqh terbatas kepada hukum syarie, dan hukum ini wadahnya adalah perbuatan manusia (al-Zarkashi, 1994, 1/159). Justeru, perbuatan manusia yang terikat dengan hukum adalah wasilah yang menyampaikan kepada tujuan yang Allah mahukan di sebalik perintah dan laranganNya.

## Takrif Maqasid

Istilah kedua yang menunjangi kajian ini adalah perkataan maqasid, dan ia berasal dari kata dasar *qaṣada* yang membawa makna mendatangi sesuatu (Ibn Fāris, 1979, 5/95), dan menuju ke arah sesuatu (Ibn Manzūr, 1993, 3/353). Manakala maqasid adalah kata majmuk kepada *maqṣad* yang bermaksud tempat yang didatangi dan ditujui (al-Fayyūmī, 1987, 192). Dalam konteks yang lain, al-Fārābī (1987, 6/2446) menyebut bahawa *maqṣad* bererti makna atau maksud percakapan.

Di dalam khazanah disiplin ilmu usul fiqh, istilah maqasid tidaklah asing, namun pentakrifannya secara tuntas di kalangan sarjana terawal tidak didapati. Menyorot beberapa penulisan berkenaan pengertian maqasid, ahli usul fiqh terdahulu mendefinisikan maqasid sebagai perbuatan yang mengandungi kebaikan atau keburukan dalam dirinya (al-Qarāfī, 1998, 2/59) dan ia dikehendaki secara dirinya (Ibn Juzzī, 2003, 174).

Menurut Makhdūm (1999, 38) definisi ini merujuk kepada pengertian khusus maqasid, manakala pengertiannya yang umum adalah seperti takrifan sarjana terkini. Antara mereka, Ibn ‘Āshūr (2004, 3/165) yang memberi takrif maqasid bahawa ia adalah makna dan hikmah yang diambil kira oleh Allah dalam kesemua keadaan pensyariatan atau kebanyakannya. Ini menghampiri takrif maqasid menurut al-Fāsī (1993, 7) bahawa ia adalah tujuan Shari’ah dan rahsia yang Allah tentukan di setiap hukum dari hukum hakamNya.

Bagi menyimpulkan perbincangan mengenai definisi maqasid, Ibn Bayyah (2006, 14-20) menyenaraikan tiga makna maqasid, pertama: apa yang dikehendaki oleh Allah dari pensyariatan hukum, kedua: hukum yang mengandungi kebaikan dan keburukan, dan ketiga: niat para mukalaf dan kemahuan mereka dalam amalan.

Penulis melihat maqasid itu sebagai tujuan yang dikehendaki oleh Allah dan yang mesti dikehendaki oleh hambaNya. Tujuan ini terkandung di dalam hukum hakam yang mengikat perbuatan manusia, maka maqasid adalah apa yang ditujui di sebalik pensyariatan oleh Allah dan pengamalan oleh manusia. Sebagaimana Allah mempunyai kehendak (*irādah*) untuk menetapkan sesuatu hukum, maka Dia juga berkehendak untuk hukum tersebut menyampaikan apa yang Dia mahukan dari manusia.

Konsep maqasid ini membatasi pemahaman kita terhadap wasilah, yang mana wasilah itu adalah perbuatan manusia yang terikat dengan hukum, manakala maqasid pula adalah tujuan yang dikehendaki selepas pelaksanaan perbuatan ini. Contohnya, makan itu perbuatan yang terikat dengan hukum harus, manakala mendapat tenaga dan kesihatan adalah tujuannya, maka makan itu dianggap wasilah, dan kesihatan itu maqasidnya.

### **Hubungkait Antara Wasilah dan Maqasid**

Secara mudahnya, hubungkait antara wasilah dan maqasid boleh dianalogikan seperti jalan yang dilalui dan tempat yang ditujui. Jalan itu dilalui meskipun sukar dan berliku kerana ia menyampaikan kepada tempat yang ingin dikunjungi. Sekiranya jalan yang diikuti itu salah, maka sudah pasti tempat tujuan itu juga bukan seperti yang dikehendaki.

Namun, untuk memahami hubungkait wasilah dan maqasid mengikut perbincangan usul fiqh tidaklah sebegini ringkas sehingga mengakibatkan kesalahan dalam mengamalkan agama dan Shari'ah. Perincian yang melibatkan aspek-aspek pendalilan dan penetapan hukum mesti diambil kira, kerana permasalahan ini ada kaedah dan caranya.

### **Penetapan Hukum Sebagai Wasilah**

Sebagaimana yang disebut terdahulu bahawa wasilah itu adalah hukum perbuatan yang dilakukan demi menuju kepada matlamat yang dikehendaki oleh Allah. Aspek paling asas untuk diamati dan diteliti adalah persoalan siapakah yang menetapkan perbuatan yang mempunyai hukum tersebut sebagai wasilah kepada tujuan yang dikehendaki Allah?.

Untuk menjawab persoalan ini, hakikat wasilah perlulah dirujuk kembali, yang mana ia adalah hukum syarie yang terletak pada perbuatan manusia. Justeru, segala hukum yang terkandung di dalam nas-nas Syarak adalah wasilah yang ditetapkan oleh Allah dan RasulNya. Manakala, hukum yang tidak tersebut dalam al-Quran dan al-Sunnah adalah wasilah yang ditetapkan melalui *ijtihad* ilmuwan Islam berpandukan metod *istinbat* dan *istidlal*.

## Penetapan Wasilah Oleh Mujtahid

Tidak dinafikan bahawa wahyu Allah yang terpapar sebagai al-Quran atau al-Sunnah tidak mendatangkan secara langsung hukum untuk semua perbuatan manusia. Ini kerana nas-nas Syarak terbatas (al-Sam'ānī, 1999, 2/84) sedangkan perbuatan manusia sentiasa bertambah dan berubah sehinggalah hari kiamat.

Perbuatan manusia yang tidak tersebut di dalam nas masih juga terikat dengan hukum syarie, ini kerana setiap perbuatan dan perkara pasti ada hukumnya melalui petunjuk nas itu sendiri (al-Shāfi'ī, 1940, 19). Pengetahuan terhadap hukum ini dilakukan oleh mujtahid berdasarkan kaedah yang diterima dalam mazhabnya. Sekalipun wasilah ini bersifat *ijtibādiyyah* dan bukan *nassiyah*, namun ia dianggap sebagai jalan kepada maqasid, kerana tujuan penetapan hukum tersebut ke atas perbuatan adalah demi mencapai apa yang dikehendaki oleh Allah.

Sebagai contoh, pengambilan vaksin adalah perbuatan yang tidak disebut di dalam nas, maka ijtihad diperlukan untuk menetapkan hukumnya. Hukum ke atas perbuatan ini ditetapkan agar ia boleh membawa pelakunya kepada kehendak Allah iaitu memelihara diri dari kemudaratatan penyakit. Lalu, perbuatan ini dihukumkan harus atau wajib, supaya pelaksanaannya menjadi wasilah kepada *maqsad hiḥẓ al-naḥs*.

Dalam aspek ini, ada dua keadaan yang perlu diteliti, kerana ia memberi kesan kepada keabsahan wasilah, lantas wasilah itu perlu terus dilaksanakan atau perlu dihentikan.

- i. *Wasilah ijtibādiyyah yang menyampaikan maqasid*: Penetapan hukum yang dilakukan oleh mujtahid ke atas sesuatu perbuatan semestinya mengambil kira kebolehcapaian maqasid yang dikehendaki Allah terhadap perbuatan tersebut. Sekiranya, perbuatan yang diberi hukum dilaksanakan dan seterusnya membawa kepada tujuan syarak, maka perbuatan tersebut adalah wasilah yang sah dan boleh atau perlu terus dilaksanakan. Contohnya, mewajibkan penggunaan kerusi keselamatan kanak-kanak di dalam kenderaan adalah wasilah kepada tujuan memelihara nyawa manusia dari kemudaratatan. Lalu, ternyata pelaksanaannya membawa penghasilan maqsad

ini dan penjagaannya, maka wasilah ini sebagai ia wasilah kepada maqсад Syarak adalah sah. Ini berpandukan kaedah usul fiqh yang bermaksud “*bagi wasilah itu hukum maqasid.*” (Ibn Abd al-Salam, 1991, 1/53)

- ii. *Wasilah ijtihādiyyah yang tidak menyampaikan maqasid:* Berlainan pula keadaan yang kedua ini, ketika mana perbuatan yang diberikan hukum secara ijihad tidak menyampaikan kepada maqasid yang dikehendaki Allah selepas dilaksanakan, maka perbuatan tersebut adalah wasilah yang tidak sah dan perlu dihentikan. Sebagai contoh, pembinaan hospital di suatu kawasan penempatan adalah wajib kerana ia wasilah kepada pemeliharaan nyawa manusia, akan tetapi jika pembinaan ini diteruskan ia akan menyebabkan kemudaratan kepada manusia disebabkan keadaan tempatnya yang tidak sesuai dan berbahaya untuk sebuah hospital. Maka jika pembinaan ini diteruskan ia akan menjadi wasilah kepada keburukan dan bukannya kebaikan, dan ia tidak menyampaikan kepada maqasid yang dikehendaki terhadapnya. Wasilah ini dihukumkan sebagai tidak sah kerana ketidakcapaian maqasid Syarak. Ini berpandukan kaedah usul fiqh yang bermaksud “*setiap perbuatan yang tidak menghasilkan tujuannya maka ia tidak dibolehkan, dan ia terbatal sekiranya sedang dilakukan.*” (al-Qarāfi, 1998, 3/384), dan kaedah “*sekiranya jelas bahawa wasilah itu tidak menyampaikan kepada tujuannya maka terbatalah ia sebagai wasilah*” (al-Maqarri, 2012, 90)

### **Penetapan Wasilah Oleh Syari’**

Semua hukum yang disebut secara jelas (*mantuq*) atau tidak jelas (*mafhum*) di dalam nas al-Quran dan juga al-Hadis adalah wasilah yang ditetapkan oleh Syari’. Ini kerana secara asalnya, hanya Syari’ hanya mengetahui wasilah kepada maqasidNya, sebagaimana hanya Syari’ hanya mengetahui maqasidNya. Tanpa ada wahyu, manusia tidak mengetahui dengan aqalnya secara tepat apa yang dikehendaki oleh Allah, maka seyogianya manusia tidak mengetahui secara pasti jalan yang membawa kepada kehendak Allah.

Di sinilah kaitan antara aqal dan wahyu, seandainya aqal manusia itu mampu untuk mencapai segalanya, maka tiada keperluan

penurunan wahyu dan pengutusan para rasul. Wahyu dan Rasul adalah bukti yang jelas bahawa aqal manusia itu bersifat dengan kekurangan dan ketidaksempurnaan. Oleh sebab itu, wahyu yang diturunkan dan rasul yang diutuskan membawa dan menetapkan hukum sebagai jalan kepada maqasid yang dimahukan oleh Allah terhadap manusia di dunia dan akhirat.

Hukum yang terkandung dalam nas adalah wasilah dan juga maqasid, sebagaimana yang terdahulu ketika membahaskan pengertian wasilah dan maqasid. Hukum hakam ini adalah maqasid kerana ia dikehendaki oleh Allah untuk disyariatkan dengan ia mengandungi masalah sama ada mendatangkan kebaikan atau menghilangkan keburukan. Pada sisi pandang yang lain, ia juga adalah wasilah kepada maqasid iaitu apa yang dikehendaki Allah di sebalik pensyariatannya.

Sebagai contoh, hukum jual beli seperti dalam firmanNya "*Dan Allah telah menghalalkan jual beli*" (al-Baqarah: 275) adalah maqasid kerana hukumnya langsung dari Allah kerana kemaslahatan yang ada padanya. Dalam masa yang sama, harusnya jual beli itu menjadi wasilah kepada *maqasid hifz al-mal* iaitu pemeliharaan harta yang ia antara maqasid Shari'ah yang utama (Ibn 'Ashūr 2004, 2/381).

### **Penjelasan Pelaksanaan Wasilah**

Berkenaan wasilah *nassiyah* yang ditetapkan oleh Syari', di samping ketetapan hukum ada seperkara lagi yang perlu diteliti di dalam menentukan keabsahan wasilah ini. Perkara tersebut adalah aspek penjelasan dalam melaksanakan wasilah yang menyampaikan kepada maqasid.

Penjelasan (*bayān*) ialah keterangan yang diperlukan untuk melaksanakan perbuatan yang ditetapkan hukumnya sebagai wasilah kepada maqasid. Sama ada penjelasan ini datang dari Syari' atau mujtahid, ia mesti diketahui oleh mukalaf untuk memungkinkannya melakukan apa yang diperintah atau meninggalkan apa yang dilarang.

Hukum yang datang dari Syari' ada ketikanya tidak bersama penjelasannya, kerana pelaksanaannya tidak segera, berdasarkan kaedah usul fiqh "*boleh melewatkan penjelasan ketika waktu pemberitahuan, dan tidak boleh melewatkannya waktu pelaksanaan*" (al-'Āmidī, 1983, 3/36). Penjelasan yang tiada ini perlu diketahui dengan melalui

ijtihad mencarinya di dalam nas, atau ijtihad memberikannya berdasarkan dalil-dalil lain.

### **Pelaksanaan Wasilah Dijelaskan Syarak**

Penjelasan yang datang dari Syari' termasuk dalam perkara-perkara yang diperincikan (*al-mufaṣṣalat*) dalam Islam, kerana ia tidak mampu dijelaskan dengan akal manusia. Dari sudut yang lain, *al-mufaṣṣalat* merujuk kepada hukum hakam yang kekal (*al-thawābit*) di dalam Islam, kerana apa yang sudah jelas tidak perlu diijtihadkan, dan apa yang tidak boleh diijtihadkan akan kekal tidak berubah.

Penjelasan wasilah ini adalah satu perbincangan yang sangat luas dan mendalam, yang melibatkan perbincangan pelbagai aspek pelaksanaan dan pengamalan hukum seperti yang dikupas oleh disiplin ilmu usul fiqh dan ilmu fiqh. Contoh yang mudah adalah solat fardu, ia diwajibkan untuk maqasid tertentu, dan Syari' telah menjelaskan cara mendirikannya. Ia termasuk rukun, syarat, keadaan, dan sebagainya, yang mesti diambil kira oleh mukalaf ketika bersolat. Ini seperti sabda Rasul "*bersolatlah kamu sebagaimana kamu melihat aku bersolat*" (al-Bukhārī, 2001, 1/128).

Penentuan kesahihan wasilah dalam keadaan ini bergantung kepada pelaksanaannya yang menepati apa yang ditetapkan oleh syarak atau tidak menepati. Ia berlaku dalam dua situasi:

- i. *Pelaksanaan wasilah yang menepati Syarak*: Suatu perbuatan yang mempunyai hukum dan penjelasannya dari Syari', dan dijadikan sebagai wasilah kepada maqasid tertentu, diterima sebagai wasilah yang sah sekiranya ia dilaksanakan bertepatan dengan Syarak, lalu menyampaikan pelakunya kepada maqasid tersebut. Sebagai contoh, kewajipan berzakat yang datang dari Syarak bersama penjelasannya, dan untuk mencapai tujuannya iaitu meringankan beban kemiskinan (al-Ramlī, 1984, 1/390). Sekiranya seseorang itu berzakat mengikut cara yang menepati Syarak dengan memberikan hartanya kepada orang miskin, lalu penerima zakat tadi berjaya keluar dari kongkongan kefakiran, wasilah itu telah mencapai maqasidnya.

- ii. *Pelaksanaan wasilah yang tidak menepati Syarak*: Suatu perbuatan yang hukum dan penjelasannya termaktub dalam nas, dan ia menjadi wasilah kepada maqasid tertentu, dilaksanakan dengan keadaan yang menyalahi Syarak, maka wasilah ini tetap sah. Ini kerana kesalahan melaksanakannya oleh mukalaf tidak membatalkan hukumnya, dan tidak menafikannya sebagai wasilah kepada maqasidnya. Contohnya, puasa Ramadan diwajibkan oleh Syari' beserta penjelasan dalam melaksanakannya untuk mencapai tujuan taqwa (al-Khādīmī, 2001, 173) seperti dalam firmanNya "*diwajibkan ke atas kamu berpuasa sebagaimana ia diwajibkan ke atas orang sebelum kamu, agar kamu bertaqwa*" (al-Baqarah: 183). Sekiranya seseorang itu berpuasa dan puasanya itu tidak menjadikannya bertaqwa kerana dia tidak melakukannya seperti yang diajar oleh Rasul, maka kewajipan puasa itu tetap ada ke atasnya. Wasilah ini sah dan tidak boleh dibatalkan kerana ia dari Syari', akan tetapi pelaksanaannya perlu dibetulkan agar bertepatan dengan Syarak.

### **Pelaksanaan Wasilah Tidak Dijelaskan Syarak**

Perkara-perkara yang tidak diperincikan oleh Syari' (*al-mujmalāt*) pula adalah sudut yang boleh dijelaskan oleh aqal melalui ijhtihad, dan ia berlaku di dalam nas (al-Shawkānī, 1999, 2/14). Ia menggambarkan sisi keanjalan dan kebolehubahan hukum (*al-mutaghayyirāt*) yang ada di dalam Islam, demi memastikan kesesuaian dan kelestarian Shari'ah dalam merentasi perubahan masa dan tempat. Ia juga demi meraikan kemaslahatan yang pelbagai dan berbeza dalam pelaksanaan hukum yang terkandung di dalam nas.

Ijhtihad berfungsi di sini untuk memberikan penjelasan kepada pelaksanaan hukum yang tidak disebut di dalam nas. Mujtahid akan berusaha mendatangkan penjelasan yang memungkinkan hukum itu dilaksanakan dengan mengambil kira pelaksanaannya menyampaikan maqasid yang ditentukan oleh Allah. Ini juga berlaku dalam dua keadaan:

- i. *Penjelasan melalui ijhtihad dan sampai kepada maqasid*: Hukum yang termaktub dalam nas Syarak tanpa pemerincian dan diketahui

tujuan pensyariatannya, lalu untuk ia boleh dilaksanakan mujtahid memberikan cara pengamalannya. Ternyata hukum yang dipraktikkan menggunakan penjelasan ijthid menyampaikan pelakunya kepada maqasid yang dikehendaki Syari'. Wasilah sebegini adalah sah dan tidak boleh ia dihentikan sekalipun pelaksanaannya dengan cara berijthid, kerana tiga sebab, pertama ia disyariatkan oleh Syari', kedua ia mencapai maqasidnya, dan ketiga ketiadaan penjelasan dari Syari' adalah dalil keizinannya untuk berijthid. Contoh bagi keadaan ini adalah kewajipan menuntut ilmu seperti sabda Baginda "*menuntut ilmu itu adalah kefarduan ke atas setiap muslim,*" (Ibn Mājah, 2009, 1/151) tanpa pemerincian dalam pelaksanaannya untuk menyampaikan kepada tujuan memelihara aqal (al-Khādīmī, 2001, 83). Antara penjelasan melalui ijthid untuk melaksanakan kewajipan ini adalah pembinaan institusi pendidikan, dan usaha ini berjaya mencapai maqasid *hiḥẓ al-aqal*.

- ii. *Penjelasan melalui ijthid tetapi tidak sampai kepada maqasid:* Ijthid mendatangkan penjelasan kepada pelaksanaan hukum yang ada dalam nas kerana tiada pemerincian dari Syari'. Selepas ia dilaksanakan berpandukan cara yang diijthidkan, hukum tersebut gagal untuk menyampaikan pelakunya kepada maqasidnya. Wasilah ini sekalipun tidak mencapai maqasid, ia tetap sah kerana tiga sebab, pertama pensyariatannya adalah dari Syari', kedua ketidakcapaian maqasidnya adalah kerana pelaksanaannya, dan ketiga kegagalan ini membuktikan kesilapan ijthid. Sebagai contohnya, pengharaman melakukan kerosakan di atas muka bumi seperti firmanNya "*dan janganlah kamu melakukan kerosakan di bumi*" (al-Baqarah: 60) dengan bertujuan untuk memelihara alam sekitar. Antara ijthid untuk melaksanakan hukum ini demi mencapai tujuan tersebut ialah penggunaan beg kertas bagi menggantikan beg plastik ketika urusan jual beli barangan. Akan tetapi usaha ini tidak mencapai tujuan pemeliharaan alam apabila ia membawa kepada penghasilan sampah yang lebih banyak dari beg kertas yang telah digunakan. Kegagalan ini tidak menghentikan hukum

pengharaman melakukan kerosakan dan tidak juga membatalkan maqasid *hifz al-bi'ah*, tetapi ia menuntut penambahbaikan ijtihad itu.

### **Bilangan Maqasid Bagi Wasilah**

Hukum di dalam nas yang menjadi wasilah kepada maqasid adakalanya mempunyai lebih dari satu tujuan pensyariatannya yang dikehendaki oleh Syari'. Di samping kehendak Syari' agar pelaksanaan hukum ini mencapai maqasidnya, Syari' juga berkehendak agar ia mencapai salah satu maqasidnya. Ini mengikat keadaan sebelum ini yang mana hukum dari Syari' beserta penjelasannya dilaksanakan dengan cara yang menepatinya namun masih tidak mencapai maqasidnya.

Situasi ini perlu dilihat dari sudut bilangan maqasid dan ketidakcapaiannya, adakah hukum ini hanya mempunyai satu tujuan dan pelaksanaan tersebut tidak menyampaikan kepada tujuan ini? Atau adakah ia mempunyai lebih dari satu tujuan, dan pelaksanaannya hanya tidak mencapai sebahagian tujuan? Contohnya, kewajipan solat yang disebut sebelum ini mempunyai beberapa maqasid antaranya menghalang kekejian dan kemungkaran (al-Ankabut: 45), mengingatkan kepada Allah (Toha: 14), membersihkan diri (al-Maidah: 6), mengugurkan dosa-dosa kecil (Hud: 114), menyusun waktu seharian (al-Nisa': 103), memberikan cahaya (Ibn Mājah: 2009, 1/102), dan membuktikan keislaman (al-Tirmīzī, 1998, 4/309). Adakah solat yang dilakukan dengan cara yang diajari oleh Syari' tidak menyampaikan kepada semua maqasid ini? Atau ia masih menyampaikan kepada sebahagiannya.

### **Wasilah Kepada Maqasid Yang Banyak**

Sekiranya Syari' menghendaki suatu hukum itu mempunyai banyak tujuan, maka ia adalah wasilah kepada maqasid yang banyak. Ditambah dengan tujuan yang dikehendaki oleh Allah selepas kematian manusia, tiada hukum syarie melainkan ia mempunyai lebih dari satu maqasid untuk dicapai.

Setiap tujuan ini dikehendaki secara dirinya tanpa terkesan dengan tujuan yang lain dari sudut pengambil kiraannya. Ini bermakna hukum yang ditetapkan oleh Allah untuk tujuan-tujuan ini

secara keseluruhannya dan tidak secara kesemuanya. Huraian ini dilihat dari dua keadaan:

- i. *Wasilah kepada maqasid yang banyak dan tidak mencapai kesemuanya:* Hukum yang ditetapkan oleh Syari' menjadi wasilah kepada beberapa maqasid yang dikehendaki olehNya. Syari' juga telah memperincikan cara pelaksanaan hukum tersebut tanpa memerlukan ijtihad dari aqal manusia. Pelaksanaan dibuat dengan mengikut cara yang ditetapkan namun wasilah tersebut tidak menyampaikan pelakunya kepada kesemua maqasidnya. Akibat kegagalan wasilah ini mencapai semua maqasidnya sekalipun ia diamalkan bertepatan dengan cara yang ditentukan oleh Syarak, maka wasilah ini tidak sah dan terbatal, dan hukum tersebut perlu diberhentikan pelaksanaannya. Keadaan secara teorinya diterima, namun ia tidak berlaku secara praktikalnya, kerana setiap hukum syarie itu mempunyai tujuan akhirat yang tidak boleh diukur kecapaiannya di dunia. Maka kemungkinan suatu wasilah itu tidak mencapai kesemua maqasidnya adalah tidak berlaku. Sebagai contoh, kewajipan menutup aurat bagi seorang muslimah secara khusus, telah diperincikan oleh Syarak caranya, dan ia mempunyai beberapa maqasid antaranya supaya diketahui pemakainya seorang muslimah (al-Ahzab: 59), tidak menyamai amalan jahiliah (al-Ahzab: 33), menutup kehormatan diri (al-A'raf: 26), menghalang orang dari melihat kehormatan (al-Nur: 30), memelihara diri dari diganggu (al-Ahzab: 59), melambangkan ketaatan kepada Allah dan RasulNya (al-Ahzab: 36), mengelakkan penyakit hati (al-Ahzab: 53) dan membezakan jantina (al-Ratil, 2015, 315). Seandainya, seorang wanita itu menutup aurat dengan cara yang menepati Syarak, tetapi kesemua maqasid ini tidak tercapai, menutup aurat tadi tidak wajib ke atasnya.
- ii. *Wasilah kepada maqasid yang banyak dan mencapai sebahagiannya:* Jika suatu hukum itu mempunyai cara pelaksanaan dari Syarak dan maqasidnya berbilang, ia sebagai wasilah tetap sah sekiranya hanya mencapai sebahagian maqasid sahaja, dan

ketidapcaian semua maqasid tidak membatalkan sifatnya sebagai wasilah dan tidak memberhentikan dirinya sebagai hukum. Contohnya pengharaman riba, ia disyariatkan oleh Allah dengan penjelasannya, dan ia adalah wasilah kepada beberapa maqasid. Antaranya, menyerupai amalan jahiliah (Ibn Mājah, 2009, 4/243), menyebabkan manusia tidak bekerja, menghilangkan perbuatan makruf dalam memberikan hutang, menindas orang yang susah (al-Rāzī, 1999, 7/74), melanggar konsep kesamaan dalam jual beli (Ibn al-Rushd, 2004, 3/151), mengelakkan spekulasi ke atas matawang dan menghalang monopoli barangan (al-Sanhūrī, 1997, 3/165). Sekiranya pengharaman riba mencapai sebahagian dari maqasid ini, ia adalah wasilah yang sah, dan hukumnya tidak boleh dihentikan. Dalam masa yang sama, pelaksanaannya ditambah baik supaya ia mampu mencapai kesemua maqasidnya.

### **Wasilah Kepada Maqasid Yang Satu**


Situasi terakhir dalam hubungkait antara wasilah dan maqasid adalah ketika hukum yang ditetapkan oleh Syari' itu disertakan penjelasannya dan hanya mempunyai satu tujuan sahaja. Kemudian, pelaksanaannya yang menepati syarak tidak mencapai satu maqasidnya itu, maka wasilah ini tidak sah dan boleh dihentikan sebagai hukum.

Seperti yang disentuh sebelum ini, secara praktikalnya, tiada hukum syarie yang hanya mempunyai satu tujuan, kerana syariat Islam ini merangkumi apa yang menjadi masalah kepada manusia di dunia dan akhirat. Secara teorinya, wasilah yang hanya menyampaikan kepada satu tujuannya akan terbatal dan terhenti sekiranya ia gagal menjalankan peranan sebagai wasilah.

Contohnya keharusan berkahwin, ia disyariatkan oleh Syari sebagai wasilah kepada tujuannya iaitu untuk mendapatkan zuriat keturunan (Ibn Mājah, 2009, 3/54). Sekiranya seseorang itu berkahwin dan perkahwinannya tidak memberikannya zuriat, mengikut keadaan ini ia tidak sah dan perlu dihentikan. Namun, hakikatnya perkahwinan dalam Islam mempunyai maqasid yang berbilang di samping mendapatkan anak, antaranya untuk mendapatkan ketenangan dan kebahagiaan (al-Rum: 21), mencontohi

sunah Rasul (al-Bukhārī, 2001, 7/2), memelihara keturunan (Ibn ‘Āshūr, 2004, 2/343) dan menghalang dari zina (al-Bukhārī, 2001, 3/26).

Kesimpulannya, ketidakcapaian satu wasilah apa yang menjadi maqasidnya bukanlah hanya dilihat dalam satu keadaan sahaja. Bahkan, ia perlu diteliti dan diamati dengan mengambil kira segala keadaan yang menghubungkan antara keduanya seperti yang dikupas terdahulu. Bertitik tolak dari itu, suatu hukum tidak boleh dianggap batil dan salah lalu dihentikan pelaksanaannya dengan hanya bersandarkan kepada kegagalannya menghasilkan tujuan pensyariatannya. Rajah di bawah meringkaskan apa yang dibentangkan sebelum ini dalam persoalan wasilah dan maqasid.



**Carta 1:** Hubungkait wasilah dan maqsid

## KETIDAKCAPAIAN MAQASID DALAM PELAKSANAAN HUDUD

Bahagian kedua dalam kajian ini menjurus kepada aplikasi kaedah-kaedah wasilah yang menyampaikan maqasid ke atas hukum hudud. Polemik yang didengari mengenai hukum ini terkait dengan beberapa kesalahfahaman terhadap pelaksanaannya. Antaranya, kedudukannya sebagai wasilah yang gagal merealisasikan tujuan pensyariatannya. Justeru, isu ketidakcapaian maqasid dalam pelaksanaan hudud perlu dianalisis berpandukan aplikasi wasilah yang dibentangkan sebelum ini.

Hudud adalah bahagian yang terpenting dalam undang-undang jenayah Islam, kerana ia menggariskan hukuman ke atas kesalahan-kesalahan besar yang bertentangan dengan lima tonggak kemaslahatan (*darūriyāt kbams*). Hukuman-hukuman ini pada dirinya adalah keburukan (*mafsadah*) yang menimpa ke atas yang dihukum, dan begitulah sifatnya setiap hukuman. Namun, pensyariatannya bukanlah kerana ia mengandungi atau mengundang *mafsadah*, akan tetapi *mafsadah* ini terpaksa diadakan untuk mengelakkan mafsadah yang lebih besar. Ini berpandukan kaedah usul fiqh “*kemudaran kbusus dilakukan untuk menghalang kemudaran umum*” (Ibn Nujaym, 1999, 74).

### Wasilah dan Maqasid Dalam Pelaksanaan Hudud

Hudud adalah hukum syarie yang ditetapkan oleh Allah dan RasulNya, oleh itu ia diklasifikasikan sebagai maqasid yang mengandungi *maslahah* dalam dirinya. Segala apa yang menyempurnakan pelaksanaan hudud mengambil hukum wajib berdasarkan kaedah usul fiqh “*apa yang menyempurnakan kewajipan dikira wajib*” (Ibn ‘Abd al-Salām, 1991, 2/204).

Ini seperti mewujudkan sebuah sistem kehakiman yang menjalankan hukuman hudud di sesebuah negara. Sistem ini diperlukan bagi memastikan pelaksanaan hudud lebih tersusun dan adil, dan memungkinkan fungsinya sebagai wasilah kepada pemeliharaan kemaslahatan umum.

Di sisi yang lain, hudud diklasifikasikan sebagai wasilah yang disyariatkan untuk merealisasikan tujuan-tujuan tertentu. Secara umumnya, setiap hukum hudud bertujuan untuk menjaga *darūriyāt*

*khams* supaya ada dan terus ada terpelihara (al-Shātībī, 1997, 2/19-20). Pensyariatan hukuman murtad untuk memelihara agama, pensyariatan hukuman memelihara diri, pensyariatan hukuman minum arak untuk memelihara aqal, pensyariatan hukuman zina dan qazaf untuk memelihara keturunan, pensyariatan hukuman menyamun dan mencuri untuk memelihara harta.

### **Pemberhentian Hudud Kerana Ketidakaapaian Maqasid**

Wasilah yang disyariatkan oleh Syari' tidak kurang pentingnya dari maqasid, ini kerana Syarak telah memilih untuk mensyariatkan jalan dan menjelaskannya. Pengambil berat Syarak terhadap wasilah dalam hukum hudud berbanding maqasidnya menunjukkan bahawa wasilah ini tidak mungkin dicapai melalui ijtihad, berbeza dengan maqasidnya yang boleh ditemui dan difahami dengan aqal. Perkara ini yang membezakan antara wasilah *nassiyah* dan wasilah *ijtihadyyah*.

### **Ciri-Ciri Hudud Sebagai Wasilah**

Berpandukan kaedah-kaedah terdahulu, hudud sebagai wasilah kepada maqasid mempunyai ciri-ciri berikut:

- i. *Penetapannya sebagai wasilah dari Syari'*: Hukum kewajipan hudud adalah melalui al-Quran dan al-Hadis, oleh itu ia dikategorikan sebagai wasilah *nassiyah*. Difahami dari ini, penetapannya sebagai wasilah dan hukum adalah dari Syari' dan bukannya dari mujtahid atau pemerintah. Maka ia tertakluk dengan kaedah-kaedah wasilah *nassiyah* seperti yang dibentangkan sebelum ini dan diringkaskan dalam carta 1. Seperti yang diriwayatkan dalam sebuah hadis, sabda Baginda "*laksanakanlah hukum Allah dalam hudud, dan janganlah kamu tinggalkannya kerana celaan manusia*" (Ibn Mājah, 2009, 3/577).
- ii. *Penjelasannya datang dari Syari'*: Selepas mensyariatkan hukum hudud, Syari' membawa penjelasannya di sudut-sudut yang tidak boleh dijelaskan oleh ijtihad. Maka, pelaksanaannya telah dijelaskan oleh Syarak dengan sempurna, melainkan beberapa perkara teknikal yang memungkinkan perbezaan pandangan dan perubahan pengamalan berdasarkan apa yang

menghasilkan kemaslahatan kepada manusia. Pada bahagian yang dijelaskan, adalah menjadi tuntutan untuk melaksanakannya secara bertepatan dengan Syarak, manakala pada bahagian yang memerlukan ijtihad, adalah menjadi keperluan untuk mencari pelengkap hukum yang membolehkan terhasilnya *maslahah* yang sebanyaknya atau tertolaknya *mafsadah* yang sebanyaknya. Contohnya, hukuman ke atas pencuri telah dijelaskan oleh Syari' dengan penjelasan yang terperinci, namun masih ada ruang yang memerlukan ijtihad seperti alat yang digunakan, waktu dan tempat pelaksanaan, dan cara-cara pembuktian. Ijtihad seperti ini diletakkan di bawah jenis ijtihad dalam melaksanakan hukum ke atas realiti mukalaf (*tahqīq al-manāt*) yang menjadi subjek hukum (al-Shātībī, 1997, 5/23). Ijtihad Khalifah Umar al-Khattab menjadi panduan di sini, ketika beliau tidak menjalankan hukuman hudud ke atas pencuri pada waktu berlakunya kebuluran (Ibn al-Qayyim 1991, 4/350-351).

- iii. *Mempunyai maqasid yang pelbagai*: Hukum kewajipan hudud disyariatkan untuk mencapai beberapa maqasid yang dikehendaki Syari' seperti yang disebutkan atau difahami dari perkataan dan perbuatannya. Antara maqasid tersebut, menunaikan hak Allah (al-Baquri, 1994, 2/326), memelihara hak manusia dan kehormatannya (al-Fāsī 1993, 235), menimbulkan rasa takut (al-Dahlawī, 2005, 2/244), mendidik dan membaiki (Ibn 'Āshūr 2004, 3/550), menghapus dosa (Ibn al-Hajar, 1959, 12/84), menegakkan kesaksamaan (Ibn al-Qayyim 1991, 2/73), memuaskan hati mangsa jenayah (Ibn 'Āshūr 2004, 3/550), dan mengelakkan balas dendam (al-Zuhaylī, 2014, 7/343). Oleh yang demikian, hukuman hudud dilaksanakan dengan bertujuan untuk mencapai perkara-perkara ini secara keseluruhannya dan bukan secara kesemuanya (*al-majmū' lā al-jamī'*). Ini ditambah dengan maqasid yang lebih khusus kepada setiap jenis hukuman dalam hudud yang agak berbeza bersesuaian dengan jenis jenayah, tahap kemudahan ke atas mangsa, dan maksud kemaslahatan kepada masyarakat. Dengan meyakini bahawa tiada hukum yang disyariatkan oleh

Allah menjadi wasilah kepada keburukan atau *mafsadah*, maka tidak benar untuk mengatakan bahawa hukuman hudud ini hanya untuk menyakitkan pesalah dan memudaratkan penjenayah.

### **Analisis Pemberhentian dan Penambahbaikan Hudud Menurut Perspektif Maqasid al-Shari'ah**

Setelah meneliti kaedah-kaedah wasilah dan kemudiannya memahami kedudukan hudud sebagai wasilah dan maqasid, kajian ini mengenal pasti keadaan-keadaan yang membolehkan pemberhentian hukum hudud, kerana ketidakcapaian maqasidnya. Di samping itu kajian ini mengenal pasti keadaan-keadaan yang memestikan penambahbaikan dalam pelaksanaan hudud agar maqasidnya tercapai.

- i. *Pelaksanaan hukum hudud yang berpandukan penjelasan syarak dan tidak mencapai maqasidnya yang satu:* Keadaan ini menatijahkan pemberhentian hukum hudud kerana kegagalannya sebagai wasilah kepada satu maqasidnya dan kehendak Syari' di sebalik pensyariatannya tidak berlaku. Contohnya, hukuman hudud ke atas perompak kerana satu-satunya tujuan iaitu untuk menakutkan dan menggerunkan, akan tetapi jenayah tersebut semakin bertambah dan berleluasa. Ini membuktikan hukuman tersebut telah gagal dalam merealisasikan maqasidnya, dan ia perlu dihentikan. Namun, hakikatnya, hukuman ini tidak hanya mempunyai satu tujuan, bahkan beberapa tujuan lain yang juga menjadi maqasidnya diambil kira dalam pelaksanaannya.
- ii. *Pelaksanaan hukum hudud yang berpandukan penjelasan syarak dan tidak mencapai kesemua maqasidnya:* Keadaan ini juga membawa kepada pemberhentian hukum hudud kerana ketidakcapaian kesemua maqasidnya selepas pelaksanaannya. Contohnya, hukuman hudud ke atas penzina untuk mencapai lima maqasidnya, iaitu menakutkan, mendidik, menghapus dosa, memelihara kehormatan dan menjaga keturunan. Namun, tiada satu pun dari maqasid ini tercapai selepas hukuman dilaksanakan dengan mengikut ajaran Syarak. Kegagalan ini menunjukkan bahawa hukuman ini perlu ditinggalkan kerana

ketidakaapaian *maslahah* yang dikehendaki Syari' adalah *mafsadah* kepada manusia.

- iii. *Pelaksanaan hukum hudud yang berpandukan penjelasan ijthad dan tidak mencapai maqasidnya:* Jika kegagalan wasilah itu dikenal pasti berpunca dari ijthad dalam pelaksanaannya, sehingga menyebabkan kesemua maqasid tidak tercapai, maka pelaksanaan hukum itu perlu dihentikan. Sebabnya ialah ijthad yang tepat dalam meraikan kemaslahatan tidak menyebabkan hukum syarie gagal mencapai maqasidnya. Contohnya, hukuman ke atas peminum arak yang berdasarkan ijthad sepenuhnya, dan ia tidak mencapai kesemua maqasid, antaranya menjaga aqal, memelihara keselamatan awam, memelihara kesihatan, menjaga harta, dan menjaga kedudukan manusia, adalah terbatal. Namun, hukum hudud dikategorikan sebagai hukum yang dijelaskan oleh Syari', dan aqal hanya melengkapkan pelaksanaannya.
- iv. *Pelaksanaan hukum hudud yang berpandukan penjelasan syarak dan mencapai sebahagian maqasidnya:* Keadaan ini berbeza dengan yang sebelumnya, di mana hukum tidak diberhentikan hanya kerana kegagalannya mencapai kesemua maqasidnya, tetapi ia ditambahbaik dalam pelaksanaannya agar kesemua tujuannya tercapai. Contohnya, hukuman ke atas orang murtad adalah untuk merealisasikan beberapa maqasid, antaranya menakutkan, mendidik, menjaga agama, membuktikan kebenaran Islam, menggerunkan musuh, dan meninggikan kedudukan agama. Sekiranya, beberapa maqasid sahaja tercapai dari pelaksanaan hukuman ini, ia tetap dikira wasilah yang sah, dan dalam masa yang sama penelitian amat perlu untuk memastikan kesemua maqasidnya tercapai. Ini kerana kepelbagaian maqasid kepada suatu wasilah adalah maqasid yang dikehendaki oleh Syari', apabila Syari' telah menetapkan bahawa setiap hukumnya mempunyai tujuan-tujuan tertentu, maka ia adalah kehendakNya juga.

## PENUTUP

Maqasid adalah sebahagian dari wasilah, kerana Syari' tidak mensyariatkan suatu kemaslahatan melainkan ia membawa kepada kemaslahatan juga. Oleh itu, pemberhentian wasilah sebenarnya menyebabkan pemberhentian maqasid, dan pemberhentian keduanya adalah pembatalan kepada agama. Nas-nas syarak memberi penekanan kepada wasilah lebih dari maqasid, dengan menjelaskan hukum-hukum, sedangkan maqasid pula lebih diberikan kepada aqal dan ijtihad untuk memahaminya. Ini kerana aqal lebih tidak berupaya untuk mencari wasilah berbanding memahami maqasid, dan kesilapan mencari wasilah akan membawa kepada maqasid yang salah. Ketidakaapaian maqasid bukanlah satu-satunya petunjuk kepada kegagalan wasilah, dan bukanlah satu-satunya sebab hukum-hukum Islam dihentikan dan ditinggalkan. Penelitian segenap aspek hubungkait antara wasilah dan maqasid, aqal dan wahyu, makna nas dan realiti mukalaf, masalah dan mafsadah mesti diambil kira. Hudud adalah bahagian kecil dari Islam yang perlu dilihat secara berhubungkait dengan segala hukum yang ada dalam agama ini. Pemisahannya dari berkait dengan aqidah, dakwah, akhlak dan siyasah hanya menghodohkan pelaksanaannya. Ini yang sering dialpai oleh yang memuji dan yang mengeji, ketika penumpuan hanya padanya hudud itu dilihat tidak mempunyai maqasid ruh dan jasad, individu dan masyarakat, dunia dan akhirat. Pandangan buruk orang Islam terhadap Islam yang berpunca dari pelaksanaan hudud tidak pernah diterima sebagai salah satu maqasidnya. Namun, perkara ini masih perlu diambil perhatian oleh pelaksana ketika mengimbangi antara masalah dan mafsadah yang terhasil.

## RUJUKAN

- Al-'Āmidī, Ali bin Muhammad. (1983). *Al-Ihkam fi Usul al-Abkam*. Beirut: Dar al-Kitab al-Arabi.
- Al-Baqqūrī, Abdullah bin Muhammad. (1994). *Tartib al-Furuq Wa Ikbtsaruha*. Morocco: Wizarah al-Awqaf.
- Al-Bukhārī, Muhammad bin Ismail. (2001). *Al-Jami al-Musnad al-Sahib*. Beirut: Dar Tawq al-Najah.
- Al-Dahlawī, Ahmad bin Abd al-Rahim. (2005) *Hujjatullah al-Balighab*. Beirut: Dar al-Jayl.

- Al-Fārābī, Ismail bin Hammad. (1987). *Al-Sibab Taj al-Lughab Wa Sibab al-Arabiyyah*. Beirut: Dar al-Ilm Li al-Malayin.
- Al-Fāsī, Alal bin Abd al-Wahid. (1993). *Maqasid al-Shariah al-Islamiyyah Wa Makarimuba*. Beirut: Dar al-Gharb al-Islami.
- Al-Fayyūmī, Ahmad bin Muhammad. (1987). *Al-Misbab al-Munir Fi Gharib al-Sharh al-Kabir*. Beirut: Maktabah Lubnan.
- Al-Ghazālī, Muhammad bin Muhammad. (1993). *Al-Mustasfa*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Khādīmī, Nur al-Din bin Mukhtar. (1998). *Al-Ijtihad al-Maqasidi*. Qatar: Wizarah al-Awqaf.
- Al-Khādīmī, Nur al-Din bin Mukhtar. (2001). *Ilm al-Maqasid al-Shariyyah*. Riyad: Maktabah al-Abikan.
- Al-Maqarrī, Muhammad bin Ahmad. (2012). *Qawaid al-Fiqh*. Rabat: Dar al-Aman.
- Al-Qarāfī, Ahmad bin Idris. (1998). *Al-Furuq*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Rajrājī, al-Husayn bin Ali. (2004). *Raf al-Niqab An Tanqih al-Shibah*. Riyad: Maktabah al-Rushd.
- Al-Ramlī, Ahmad bin Hamzah. (1984). *Nibayah al-Mubtaj Ila Sharh al-Minhaj*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Ratīl, Sulayman Mustafa. (2015). *Maqasid al-Shariah Fi Fard al-Hijab*. Majallah Kulliyah al-Shariah wa al-Qanun. Vol. 17. No. 1.
- Al-Rāzī, Muhammad bin Umar. (1999). *Al-Tafsir al-Kabir*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-Arabi.
- Al-Sa'dī, Abd al-Rahman bin Nasir. (2002). *Al-Qawaid Wa al-Usul al-Jamiab*. Maktabah al-Sunnah.
- Al-Sam'ānī, Mansur bin Muhammad. (1999). *Qawati' al-Adillah Fi al-Usul*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Sanhūrī, Abd al-Razzaq. (1997). *Masadir al-Haq Fi al-Fiqh al-Islami*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-Arabi.
- Al-Shāfi'ī, Muhammad bin Idris. (1940). *Al-Risalah*. Egypt: Maktabah al-Halabi.
- Al-Shātībī, Ibrahim bin Musa. (1997). *Al-Muwafaqat*. Riyad: Dar Ibn Affan.
- Al-Shawkānī, Muhammad bi Ali. (1999). *Irshad al-Fuhul Ila Tabqiq al-Haq Min Ilm al-Usul*. Beirut: Dar al-Kitab al-Arabi.

- Al-Tirmīzī, Muhammad bin Isa. (1998). *Al-Jami' al-Kabir*. Beirut: Dar al-Gharb al-Islami.
- Al-Zarkashi, Muhammad bin Abdullah. (1994). *Al-Babr al-Mubīt Fi Usul al-Fiqh*. Cairo: Dar al-Kutubi.
- Al-Zuhaylī, Wahbah bin Mustafa. (2014). *Al-Fiqh al-Islami Wa Adillatuhu*. Damascus: Dar al-Fikr.
- Ibn 'Abd al-Salām, Izz al-Din Abd al-Aziz. (1991). *Qawaid al-Abkam Fi Masalih al-Anam*. Cairo: Maktabah al-Kulliyat al-Azhariyyah.
- Ibn al-Hajar, Ahmad bin Ali. (1959). *Fath al-Bari Sharh Sahih al-Bukhari*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Ibn al-Qayyim, Muhammad bin Abi Bakr. (1991). *I'lam al-Muwaqqi'in An Rabb al-Alamin*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Ibn al-Rushd, Muhammad bin Ahmad. (2004). *Bidayah al-Mujtabid Wa Nihayah al-Muqatasid*. Cairo: Dar al-Hadith.
- Ibn 'Ashūr, Muhammad al-Tahir bin Muhammad. (2004). *Maqasid al-Shariah al-Islamiyyah*. Qatar: Wizarah al-Awqaf.
- Ibn Bayyah, Abdullah. (2006). *Alaqab Maqasid al-Shariah Bi Usul al-Fiqh*. United Kingdom: al-Furqan Islamic Heritage Foundation.
- Ibn Fāris, Ahmad. (1979). *Mu'jam Maqayis al-Lughah*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibn Juzzī, Muhammad bin Ahmad. (2003). *Taqrib al-Wusul Ila Ilm al-Usul*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Ibn Mājah, Muhammad bin Yazid. (2009). *Sunan Ibn Majah*. Beirut: Dar al-Risalah al-Alamiyyah.
- Ibn Manzūr, Muhammad bin Mukarram. (1993). *Lisan al-Arab*. Beirut: Dar Sadir.
- Ibn Nujaym, Zayn al-Din bin Ibrahim. (1999). *Al-Ashbah Wa al-Nazair*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Makhdūm, Mustafa Karamatullah. (1999). *Qawaid al-Wasail Fi al-Shariah al-Islamiyyah*. Riyadh: Dar Ishbiliya.